

ANTARA PELABURAN ALTERNATIF



Mata wang virtual 1



Ia menyimpan nilai yang boleh ditukarkan dengan barangan dan perkhidmatan di tempat yang menerimanya. Risiko adalah pengguna tidak mendapatkan wang semula jika skim ditutup dan nilai mata wang virtual boleh turun naik dalam jangka masa singkat.

Contoh: Bitcoin dan Liberty Reserve.

Perbankan tanah (Land-banking) 5

Pelabur ditawarkan melabur tanah yang belum dibangunkan di luar negara dan dijangka memegangnya beberapa tahun sebelum dijual kepada pemaju pada keuntungan tinggi. Antara risiko ialah ia boleh merupakan satu penipuan dan kemungkinan rancangan membangunkan tanah tidak menjadi.

2 Skim hartanah luar negara dan tanaman

Skim seperti ini selalunya berisiko tinggi dan menjanjikan pulangan tinggi. Antara skim kontroversial ditawarkan oleh Desa Amanah Ltd yang melabur dalam tanah di India dan ladang kelapa sawit di Johor.

3 Kelas/Sofwe Dagangan Forex

Dagangan forex sebenarnya adalah kegiatan berisiko tinggi namun ia selalu dipasarkan sebagai sesuatu yang mudah dan boleh cepat kaya. Hakikatnya, pelabur biasa tidak mempunyai kepakaran seperti pedagang forex sepenuh masa.

4 Skim beli balik emas

Lazimnya pelabur beli jongkong emas dari sebuah firma pada harga diskaun dan firma janji membelinya semula. Ini memberi tanggapan yang pelabur akan meraih keuntungan apabila menjualnya. Sebenarnya firma mengenakan harga premium berbanding pedagang lain.

Contoh: Geneva dan The Gold Label.

